



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perlis
Kampus Arau

Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:
2022

Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor
UiTM Cawangan Perlis Bagi
Tahun 2022

Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama
Bersama Korea Sports Promotion Foundation
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi
Kepakaran Kepada Komuniti
Orang Asli Melalui ESKOM
2022



Majlis Menandatangani Memorandum
Perjanjian (MoA) Antara Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Dengan
Universitas Gajah Mada (UGM)
Indonesia



“ The Story of My Life “

Kisah Hidup Saya...

Oleh:
Azliana Ramli

Program ceramah motivasi dan kerjaya telah diadakan pada hari Isnin bertarih 3 Oktober 2022 bertempat di Dewan Seri Semarak, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Kampus Arau. Program ini dianjurkan oleh Unit Alumni, Fakulti Sains Gunaan (FSG) dengan anjuran bersama Pejabat Jalanan Industri, Masyarakat, Keusahawanan dan Alumni (PJIM&A) UiTM Cawangan Perlis, Kampus Arau. Tujuan program ini diadakan adalah berdasarkan keprihatinan pihak alumni FSG terhadap keperluan persediaan mental, fizikal dan rohani para pelajar yang mendaftar di bawah FSG yang terdiri dari pelbagai bidang dan peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Mod penyampaian ceramah telah diadakan secara bersemuka dengan seramai 690 orang pelajar yang baru mendaftar masuk bagi pengajian bermula semester Oktober 2022 – Februari 2023. Seajar dengan penglibatan alumni, penceramah jemputan bagi program ini merupakan bekas alumni Diploma Kimia Perindustrian, FSG UiTM Cawangan Perlis iaitu Profesor Madya Dr. Midhat Nabil Ahmad Salimi yang kini berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Ceramah yang berdurasi satu jam ini telah menyuntik hati para audien, di mana beliau menceritakan kisah jatuh bangun beliau dalam alam akademik seperti pernah mendapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang kurang cemerlang dan juga pernah gagal dan diberhentikan dari salah sebuah universiti tempatan pada semester pertama pengajian. Setelah mendapat peluang kedua, beliau terus memperbaiki kekurangan diri dan kekal fokus di dalam pengajian, bermula dari program Pra-Sains sehinggalah berjaya mengengam segulung Ijazah Doktor Falsafah jurusan

Kejuruteraan Kimia dari Universiti Birmingham, United Kingdom. Beliau turut berkongsi beberapa teknik belajar yang efektif, adab menuntut ilmu, menghormati guru dan usaha berterusan yang konsisten bakal membuahkan hasil dan mencapai kejayaan yang diinginkan. Program ini merupakan landasan penyumbang kembali para alumni kepada pelajar semasa Fakulti Sains Gunaan dan bakal diteruskan dari masa ke semasa seiring dengan misi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia iaitu melestarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara.